



UPNM
National Defence University of Malaysia
Kewajipan • Maruah • Integriti



Kewajipan, Maruah, Integriti

GARIS PANDUAN PELAJAR LUAR KAMPUS UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH :

**PUSAT PENGURUSAN KEDIAMAN PELAJAR
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

PEMAKLUMAN

- 1.1. Bahagian Pengurusan Pelajar Luar Kampus, PPKP telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 2021 setelah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali ke 43 Bilangan 3 Tahun 2020 yang diadakan pada 29 September 2020.
- 1.2. Garis Panduan Pelajar Luar Kampus telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor UPNM Bil 3/2015 pada 25 Mei 2015 dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 3/2015 pada 21 Ogos 2015.
- 1.3. Garis Panduan Pengurusan Pelajar Luar Kampus Institusi Pengajian Tinggi (rujukan buku edisi pertama Tahun 2020 Jabatan Pendidikan Tinggi KPT)
- 1.4. Portal Rumah Sewa Siswa di laman web rumahsiswa.mohe.gov.my telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi pada 4 Mac 2021 bagi memastikan aspek kebajikan dan kesejahteraan pelajar luar kampus diberi perhatian yang sewajarnya. Pelajar boleh membuka website ini yang terdapat pautan UPNM dan menyemak keberadaan rumah sewa sekitar Lembah Klang yang akan dikemaskini oleh Bahagian Pengurusan Pelajar Luar Kampus, PPKP UPNM..
- 1.5. Dasar ini termaktub mengikut keperluan iaitu Pembangunan Pelajar Luar Kampus; Perkhidmatan Pelajar Luar Kampus; Pengurusan Kebajikan Pelajar Luar Kampus; Pengurusan Rumah Sewa; dan Jaringan Masyarakat Pelajar Luar Kampus.

Bahagian 1 - Pengenalan

Bahagian 2 - Dasar Penginapan Luar Kampus

Bahagian 3 - Panduan Menyewa dan Menduduki Rumah Sewa

Bahagian 4 - Etika Pelajar Semasa Tinggal Di Luar Kampus

Bahagian 5 - Panduan Keselamatan Untuk Pelajar Luar Kampus

Bahagian 6 - Panduan Pencegahan Jenayah Ketika Berada Di Luar Kampus

Bahagian 7 - Tatacara Penggunaan Kenderaan Dalam Kampus



Kewajipan, Maruah, Integriti

BAHAGIAN 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Panduan ini disediakan untuk pelajar-pelajar Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang menginap di luar kampus. Pelajar luar kampus yang hidup bersama komuniti masyarakat didedahkan kepada pelbagai masalah yang perlu ditangani bagi memastikan kehidupan yang selamat dan selesa di samping matlamat utama memperolehi pencapaian akademik yang cemerlang.

Panduan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pelajar luar kampus agar mereka dapat mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mencegah kejadian yang tidak diingini.

1.2 FUNGSI :

- i. Pembangunan Pelajar Luar Kampus;
- ii. Perkhidmatan Pelajar Luar Kampus;
- iii. Pengurusan Kebajikan Pelajar Luar Kampus;
- iv. Pengurusan Rumah Sewa; dan
- v. Jaringan Masyarakat Pelajar Luar Kampus.

1.3 OBJEKTIF:

- i. Memberi panduan bagaimana menguruskan kediaman dan rumah untuk disewa.
- ii. Pemantapan etika Pelajar Luar Kampus.
- iii. Menyenaraikan langkah-langkah keselamatan ketika menyewa rumah/kediaman di luar kampus.



Kewajipan, Maruah, Integriti

BAHAGIAN 2

PANDUAN MENYEWA DAN MENDUDUKI RUMAH SEWA

2.1 KEPUTUSAN UNTUK MENGINAP DI LUAR KAMPUS

Sebagai seorang penyewa, pelajar perlu memahami hak dan tanggungjawab agar masalah berkaitan cagaran, penyelenggaraan, kerosakan dan notis keluar rumah dapat diatasi. Selain itu, beberapa faktor juga harus diambil kira oleh pelajar sebelum menyewa rumah di luar kampus seperti berikut:

- a. Bajet yang diperlukan untuk bayaran sewa dan perbelanjaan lain.
- b. Jarak rumah/kediaman dengan kampus Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
- c. Kemudahan awam dan pengangkutan awam yang dapat diakses bagi memudahkan pengangkutan.
- d. Jenis rumah/kediaman yang dipilih mengikut kemampuan dan keperluan.
- e. Persekitaran dan jiran sekeliling termasuk aspek keselamatan.
- f. Memilih rakan serumah yang sesuai.
- g. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos perubatan dan rawatan luar yang diambil oleh pelajar. Pelajar disarankan mendapatkan khidmat perubatan di Pusat Kesihatan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan.

2.2 PEMERIKSAAN RUMAH

- a. Sebelum mengambil keputusan untuk menyewa pelajar disyorkan membuat pemeriksaan rumah terlebih dahulu. Pastikan semua peralatan jika lengkap berperabot adalah dalam keadaan baik. Ini termasuk pintu, tombol, tingkap, paip air, pam tandas dan juga penghawa dingin jika ada.
- b. Pertanyaan tentang sewa, samaada meliputi bayaran elektrik dan air, jumlah deposit, kelengkapan perabot dan kerja pembaikan yang perlu dilaksana sebelum masuk.
- c. Kaji polisi penyelenggaraan samada kecil atau besar, tempoh pembaikan dan tahap kerosakan.

- d. Ketahui sebab-sebab yang boleh mengakibatkan kehilangan deposit rumah/kediaman.

2.3 PERJANJIAN SEWAAN

- a. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia tidak bertanggungjawab ke atas urusan mencari penginapan luar kampus untuk pelajar. Pelajar dikehendaki menguruskan dan mencari penginapan luar kampus secara sendiri.
- b. Pelajar perlu meneliti perjanjian sewaan sebelum perjanjian tersebut ditandatangani bagi mengelakkan ketidakbertanggungjawaban dan manipulasi di sebelah pihak. Pastikan semua persetujuan untuk penyewaan kediaman dibuat melalui perjanjian sewaan.
- c. Perkara -perkara dalam perjanjian sewaan yang perlu diteliti:
 - i. Pelajar perlu mengetahui tempoh sewaan, kadar sewaan, cara pembayaran sewaan, dan bayaran lain yang dikenakan dan perlu dibayar oleh pelajar tersebut berkenaan sewaan tersebut. Pihak Universiti tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan bagi bayaran sewaan dan tuntutan lain yang berkaitan.
 - ii. Perjanjian sewaan perlu menyatakan kadar sewaan yang jelas. Sebagai contoh, pelajar perlu mengetahui samada sewaan adalah untuk tempoh penuh selama setahun atau 10 bulan sahaja.
 - iii. Sekiranya pelajar atau Tuan Rumah membuat penambahan syarat kepada perjanjian sewaan, ianya perlu dibuat secara bertulis.
 - iv. Perjanjian sewaan perlu meliputi jenis kediaman, nama penyewa, tarikh kadar sewaan patut dibayar, kadar sewaan, tempoh sewaan dan syarat serta peraturan lain yang berkaitan. Namun perjanjian sewaan tersebut tidak seharusnya mengandungi peruntukan – peruntukan seperti:
 - Peruntukan yang memberi kuasa kepada tuan rumah untuk merampas harta barang persendirian penyewa sekiranya gagal membayar kadar sewaan tanpa melalui proses undang-undang.
 - Peruntukan yang membenarkan tuan rumah memotong bekalan air/elektrik.
 - Peruntukan yang mengarahkan pelajar sebagai penyewa untuk keluar atau mengosongkan rumah tanpa sebarang notis.
 - Peruntukan yang membenarkan tuan rumah memasuki rumah tanpa memaklumkan kepada pelajar sebagai penyewa kecuali dalam keadaan kecemasan atau melalui proses undang-undang.

2.4 PERINGATAN KEPADA PELAJAR SEBELUM MENYEWA

Apabila persetujuan telah dicapai, nota resit termasuk surat menyurat daripada tuan rumah hendaklah disimpan dan difaikkan dengan selamat bagi mengatasi sebarang pertikaian atau masalah.

- ii. Baca dan fahami syarat –syarat kontrak perjanjian dan jangan menandatangani perjanjian jika kurang memahami kandungan dan terma-terma.
- iii. Bagi tempoh sewaan pelajar disarankan berbincang dengan tuan rumah bagi tempoh kurang daripada satu tahun atau lebih pendek mengikut keperluan akademik pelajar dan mohon pengurangan bayaran dalam masa cuti.
- iv. Pembaikan kerosakan - Tuan rumah bertanggungjawab di atas segala kerosakan ke atas rumah yang disewa. Jika tidak dinyatakan sebagai syarat, ianya perlu dimasukkan di dalam perjanjian sewaan dan disahkan oleh tuan rumah.
- v. Pastikan terma –terma syarat bertulis dipatuhi dan elakkan perjanjian lisan.
- vi. Pengurangan Kadar Bayaran – Penyewa boleh meminta pengurangan kadar sewaan sebelum menandatangani perjanjian. Sekiranya tuan rumah membernarkan pengurangan sewaan, ia perlu dibuat secara bertulis dan dimasukkan ke dalam perjanjian.
- vii. Cagaran - Pastikan tidak melebihi 2 bulan sewa.
- viii. Sediakan senarai semak (checklist) untuk peralatan dan infrastruktur yang perlu dibaiki dan nyatakan samada dalam keadaan baik atau tidak.
- ix. Kejiraninan - Hubungan yang baik dengan jiran dapat membantu sekiranya bercuti panjang terutama dalam aspek keselamatan.
- x. Rakan Serumah – Pilihlah rakan yang sesuai dan dapat bekerjasama dan saling membantu kerana ia dapat mengelakkan perbalahan.
- xi. Penamatan penyewaan – Pastikan rumah/kediaman dalam keadaan baik dan bersih sebelum anda keluar. Untuk memperolehi cagaran /deposit sewa aturkan jadual masa bagi memastikan tuan rumah dapat memeriksa bersama.
- xii. Tips-tips Menjaga Keharmonian dengan rakan sebilik atau serumah
 - Apabila rakan sebilik mahu mengulangkaji pelajaran, janganlah memasang muzik dengan kuat.
 - Janganlah membuat bising ketika rakan sedang bersolat dan sekiranya berlainan agama hormatilah mereka yang beribadat.

- Apabila berlaku perselisihan faham, berbincanglah dengan elok dan jangan tunjukkan reaksi yang tidak baik kepada rakan sebilik.
- Jangan bawa permasalahan dengan rakan sebilik kepada pengetahuan orang lain kerana ia akan mengeruhkan lagi keadaan.
- Sentiasa bertegur sapa antara satu sama lain.
- Bertolak ansur.
- Jika rakan sebilik sedang tidur, janganlah membuat buat bising dan hormatilah mereka. Masa belajar untuk setiap individu mungkin berbeza.
- Jika rakan sebilik mengalami masalah, hulurkan bantuan seikhlas mungkin dan tidak mengambil kesempatan.
- Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan rumah/bilik bersama.
- Jagalah tutur kata sesama sendiri.



UPNM

National Defence University of Malaysia

Kewajipan • Maruah • Integriti



Kewajipan, Maruah, Integriti

BAHAGIAN 3

ETIKA PELAJAR SEMASA TINGGAL DI LUAR KAMPUS

3.1 PERATURAN DAN ETIKA MENDUDUKI RUMAH SEWA

- i. Sampah hendaklah dibungkus dalam plastik dan dimasukkan ke dalam tong sampah yang disediakan. Pembakaran sampah secara terbuka adalah dilarang. Pembuangan atau pelupusan perabot yang tidak digunakan perlu melalui prosedur yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran.
- ii. Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat yang disediakan supaya tidak mengganggu lalulintas dan ketenteraman awam.
- iii. Sebarang perbuatan vandalisma seperti merosakkan harta gunasama adalah dilarang sama sekali.
- iv. Haiwan peliharaan tidak dibenarkan berada dalam kawasan rumah kerana ia boleh mengganggu jiran tetangga.
- v. Memastikan pakaian yang hendak dijemur/disidai tidak berair yang boleh menyebabkan air meleleh/mengalir ke flat/pangsapuri dan kondominium lain.
- vi. Bagi mengelakkan saliran air tersumbat, pastikan saluran/perangkap lantai bebas daripada segala sampah.

3.2 ETIKA BERMASYARAKAT/BERJIRAN

- i. Pelajar luar kampus merupakan sebahagian daripada komuniti masyarakat setempat. Sebagai ahli masyarakat, pelajar mempunyai tanggungjawab membina satu komuniti yang sihat, selesa dan selamat. Nama baik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia hendaklah dipelihara sepanjang masa.
- ii. Pelajar luar kampus seharusnya membina hubungan yang baik dengan jiran sekeliling dan menghormati mereka tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama dengan menjaga peradaban dan pergaulan agar tidak menimbulkan syak wasangka yang buruk.
- iii. Pelajar luar kampus juga perlu sentiasa berpakaian dengan sopan dan tidak menjolok mata ketika berada di luar rumah.

- iv. Mereka juga perlu menjaga kebersihan rumah dan persekitaran kawasan. Selain itu, elakkan daripada membuat bising bagi memelihara ketenteraman dan keharmonian tetangga.
- v. Pelajar juga haruslah tidak terlibat dengan sebarang pertubuhan atau organisasi yang diharamkan/dilarang dan tidak mengadakan sebarang perjumpaan yang boleh mendatangkan syak wasangka.
- vi. Majlis program kemasyarakatan wajar dihadiri dan memberi kerjasama atau pertolongan apabila diperlukan oleh jiran tetangga/rakan serumah.
- vii. Pelajar luar kampus merupakan duta kecil yang memasarkan kebanggaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia melalui ketramplinan, budi bahasa dan modal insan yang berkeupayaan dan berpengetahuan di mata masyarakat.

3.3 PEMAKAIAN KAEADAH-KAEADAH UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR) 2009 DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA KE ATAS PELAJAR LUAR KAMPUS

3.3.1 Pelajar hendaklah mematuhi dan tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 (selepas ini dirujuk sebagai “KTP”) meskipun pelajar dibenarkan untuk menginap di luar kampus di sepanjang pengajian sebagaimana yang termaktub di dalam Bahagian II: Tatatertib Am dan Bahagian V: Tatacara Tatatertib KTP iaitu:

Kaedah 3 - Larangan am

3. Seseorang pelajar tidak boleh :_

(a) berkelakuan, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus, dengan apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan :_

(i) kepentingan, kesejahteraan, nama baik atau integriti akademik Universiti, mana-mana pelajar dan pekerja Universiti; atau
(ii) ketenteraman awam, kesejahteraan, keselamatan, kemoralan atau kesopanan;

Kaedah 13 - Kegiatan pelajar di luar Kampus

(i) Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar Kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudaratkan kepentingan Universiti.

(ii) *Naib Canselor boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudaratkan kepentingan Universiti.*

Kaedah 14 - Pelajar yang melibatkan diri dalam pekerjaan, dsb.

(i) *Tiada seorang pun pelajar boleh, di dalam Kampus atau di luar Kampus, melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan, penggajian, perniagaan, perdagangan atau kegiatan lain, sama ada atas dasar sepenuh masa atau sambilan, yang pada pendapat Naib Canselor tidak wajar.*

Kaedah 50 - Hukuman tatatertib

(i) *Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut:*

- a) *amaran;*
- b) *dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;*
- c) *denda tidak kurang daripada satu ratus ringgit dan tidak melebihi satu ribu ringgit.*
- d) *digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan; atau*
- e) *dipecat daripada Universiti.*

3.3.2 Pelajar luar kampus juga hendaklah mematuhi dan tertakluk kepada peraturan, arahan dan pekeliling yang berkuatkuasa di Universiti dari masa ke semasa ketika berada di dalam kampus.

3.4 PERBUATAN SALAH LAKU

- i. Terdapat beberapa jenis salah laku yang perlu di beri perhatian oleh pelajar luar kampus dan sering mendapat pandangan negatif daripada masyarakat luar seperti berikut: Salah Laku Moral/ Tatasusila (Jenayah Syariah)
 - a) Persetubuhan Luar Nikah
 - b) Perbuatan Sumbang Mahram
 - c) Pelacuran
 - d) Muncikari/ Bersubahat
 - e) Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah
 - f) Hubungan jenis antara orang yang sama jantina
 - g) Persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii
 - h) Khalwat
 - i) Lelaki berlagak seperti perempuan
 - j) Perbuatan tidak sopan di tempat awam
 - k) Dan apa-apa perbuatan yang ditafsirkan sebagai salah di sisi undang-undang Syariah di Malaysia
- ii. Salah Laku Moral/Tatasusila (Jenayah Sivil)
 - a) Mencuri
 - b) Berjudi
 - c) Minum Arak/ Mabuk
 - d) Dadah
 - e) Pergaduhan
 - f) Memiliki/ Menyimpan Bahan Lucah
 - g) Menganggu Ketenteraman Awam
 - h) Berkelakuan kurang sopan
- iii. Salah Laku Musnah (Vandalisma)
 - a) Perbuatan merosakkan harta benda awam atau persendirian



Kewajipan, Maruah, Integriti

BAHAGIAN 4

PANDUAN KESELAMATAN UNTUK PELAJAR LUAR KAMPUS

4.1 Langkah-Langkah Yang Wajib Diambil Ketika Bercuti

- i. Peralatan Elektrik
 - Tutup/Switch Off dan tanggalkan semua plug dan soket untuk mengelakkan daripada disambar petir.
- ii. Aerial TV
 - Cabut aerial dari soket TV dan pasang penyerap petir/kilat jika perlu.
- iii. Gas Memasak
 - Tanggal kepala gas dari silinder apabila tidak menggunakan.
- iv. Suis Utama
 - Tutup/Switch Off dan pastikan pemutus litar (Circuit Breaker) berfungsi dengan baik.
- v. Lampu
 - Tutup/Switch Off, gunakan 'Auto Timer' dan elakkan lampu bermentol.
- vi. Kereta
 - Tanggalkan kepala bateri dan jauhkan bahan mudah bakar dari tempat letak kereta.
- viii. Penghawa dingin
 - Tutup/Switch Off dan tanggalkan semua plug dari soket, pasang 'Auto Timer' jika perlu.
- ix. Puntung rokok, ubat nyamuk atau lilin
 - Pastikan dipadam, dibersih dan disimpan di tempat yang sesuai dan selamat sebelum meninggalkan rumah.
- x. Maklumkan kepada jiran
 - Maklumkan kepada jiran dan tinggalkan satu kunci pintu masuk utama dan berikan nombor telefon bimbit untuk mudahkan perhubungan sekiranya berlaku kecemasan.

xi. Suratkhabar

- Hentikan langganan suratkhabar ketika bercuti untuk mengelakkan pencuri mengetahui rumah tidak berpenghuni.

4.2 Tips Keselamatan Di Jalan Raya

i. Kereta

- Pastikan kereta dalam keadaan yang baik - brek, tayar, petrol dan air.
- Gunakan sistem kawalan kunci kereta.
- Pakai tali pinggang keselamatan
- Patuhi had laju.
- Jangan melanggar lampu isyarat.
- Jangan memotong di garisan berkembar.
- Jangan gunakan lorong kecemasan.

ii. Penunggang Motosikal

- Patuhi had laju.
- Jangan berlumba.
- Pakai topi keledar ketika menunggang.
- Menunggang motosikal tidak melebihi muatan.

iii. Pejalan kaki

- Gunakan lampu isyarat, ruang pejalan kaki dan lintasan pejalan kaki.
- Sebelum melintas jalan raya, lihat kiri-kanan-kiri terlebih dahulu.
- Jangan berlari ketika melintas jalan.
- Jangan bermain berhampiran jalan raya.
- Jika ruang pejalan kaki tidak disertakan, gunakan bahagian kanan jalan melawan arus trafik supaya dapat melihat kenderaan di hadapan.
- Pakai pakaian yang cerah atau terang pada waktu malam supaya dapat dilihat oleh pemandu yang lain.

iv. Penumpang bas

- Jangan tunggu bas berhampiran lalulintas.
- Tunggu sehingga bas berhenti sebelum menaiki bas.
- Berhati-hati ketika menaiki tangga bas.
- Pastikan bas berhenti sebelum turun dari bas.
- Selepas turun dari bas, jalan ke hadapan bas supaya pemandu bas dapat melihat anda.

v. Penumpang Komuter/LRT

- Sila pastikan destinasi anda dan menunggu di bahagian yang betul.

- Untuk keselamatan, sila berdiri di belakang garisan kuning.
- Anda dilarang melintasi trek/landasan kerana mempunyai voltan elektrik yang tinggi.
- Sila beratur dan beri laluan kepada penumpang yang ingin keluar terlebih dahulu sebelum menaiki tren.
- Beri laluan kepada penumpang yang kurang upaya, wanita mengandung dan OKU untuk naik terlebih dahulu.
- Anda adalah dilarang merokok serta makan dan minum semasa berada di dalam tren.
- Sila pastikan keselamatan barang-barang berharga anda daripada penyeluk saku.

4.3 Tips Keselamatan Kebakaran

(sumber: <http://www.bomba.gov.my>)

Senarai semak ringkas panduan keselamatan kebakaran berikut dapat membantu anda mencegah kebakaran:

- i. Pelajar disyorkan supaya memasang alat pengesan asap di setiap tingkat. Tempat yang sesuai ialah pada siling, di dalam kurungan tangga, bilik tidur dan ruang tamu.
- ii. Pastikan ada dua laluan kecemasan dari setiap bilik dan semua penghuni tahu serta telah berlatih menggunakanannya.
- iii. Jangan sekali-kali merokok sambil berbaring di atas katil semasa berada dalam keadaan mengantuk, mabuk atau setelah mengambil ubat-ubatan yang boleh menyebabkan mengantuk.
- iv. Gunakan bekas habuk rokok yang besar dan berat. Pastikan puntung rokok dipadamkan sepenuhnya sebelum dibuang.
- v. Elakkan membuat penyambungan atau membebangkan litar elektrik.
- vi. Letakkan mancis dan pemetik api di tempat yang tinggi supaya tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.
- vii. Bekas-bekas yang mengandungi cecair mudah bakar hendaklah disimpan di tempat yang jauh dan selamat dari punca api dan kanak-kanak.
- viii. Jangan biarkan lilin menyala tanpa diawasi walaupun sesaat dan jauhkannya dari kanak-kanak.
- ix. Pelajar disyorkan untuk meletakkan satu unit Alat Pemadam Api jenis debu kering ataupun jenis gas di rumah.

4.3.1 Keselamatan Barang Elektrik

- i. Lampu hendaklah ditempatkan di permukaan yang jauh dari apa-apa bahan yang boleh terbakar.
- ii. Gunakan mentol yang sepadan dengan watt lampu.
- iii. Gunakan pelindung untuk melindungi mentol daripada pecah sekiranya lampu terkena hentaman yang kuat.

4.3.2 Kuasa Elektrik Di Luar Rumah

- i. Alatan elektrik yang dipasang di luar rumah seperti di anjung hendaklah kalis cuaca.
- ii. Jangan gunakan penyambung pendawaian untuk lampu neon atau lampu "kelip-kelip".
- iii. Jangan gunakan perkakasan elektrik di luar rumah ketika permukaan tanah dalam keadaan basah melainkan peralatan tersebut telah lulus ujian dan boleh digunakan.
- iv. Jangan gunakan penyambung pendawaian untuk lampu luar.

4.3.3 Kabel Elektrik

- i. Jangan menyentuh kabel kuasa kerana anda mungkin akan terkena renjatan dan terbakar teruk.
- ii. Simpan tangga (terutama tangga besi) jauh dari kabel kuasa.
- iii. Laporkan kerosakan kabel kuasa dan tandakan kawasan berkenaan bagi memberi amaran kepada orang ramai yang menghampirinya.

4.3.4 Tanda Amaran

- i. Kenalpasti masalah-masalah elektrik yang wujud sebelum terjadinya renjatan dan kebakaran. Perhatikan perkara-perkara berikut :-
 - a) Masalah berulang seperti flus terputus atau bekalan terputus.
 - b) Terdapat kejutan elektrik apabila anda menyentuh perkakasan elektrik.
 - c) Berbau getah terbakar yang datang dari perkakasan elektrik.
 - d) Lampu berkelip-kelip. Jangan tunggu sehingga masalah menjadi besar. Hubungi pihak berkuasa Tenaga Nasional Berhad atau juruteknik yang berkelayakan.

4.3.5 Kerosakan Flus Dan Litar

- i. Jika fius terbakar atau berlaku kerosakan pendawaian yang menyebabkan bekalan terputus, jangan kembalikan ke kedudukan

- asal. Kenalpasti punca-punca yang menyebabkan keadaan tersebut berlaku dan atasi masalah tersebut.
- ii. Setiap fius di rumah anda mestilah mempunyai ukuran dari segi kemampuan menampung beban elektrik. Apabila anda menukar fius pastikan ianya mampu menampung kemampuan litar.
 - iii. Seterika dan lain-lain peralatan pemanas menggunakan arus elektrik yang banyak. Jangan gunakan plug lebih dari satu di soket atau litar yang sama.
- 4.3.6 Pemutus Litar (ELCB)
- i. Pemutus Litar Bocor ke Bumi boleh mengurangkan risiko renjatan apabila berlaku kerosakan litar dan peralatan elektrik dengan bertindak lebih pantas berbanding pemutus fius biasa. ELCB tidak mahal dan mesti dipasang di setiap rumah anda. Ujian bulanan hendaklah dibuat dengan menekan 'butang ujian'.
- 4.3.7 Soket Elektrik
- i. Pastikan plug anda sesuai dengan soket elektrik.
 - ii. Sekiranya terdapat anak kecil di rumah anda letakkan penutup plastik keselamatan di soket yang digunakan.
- 4.3.8 Perkakasan Elektrik
- i. Perkakasan yang dibeli hendaklah mempunyai label yang menunjukkan barang tersebut telah diluluskan semasa ujian oleh SIRIM.
 - ii. Simpan perkakasan elektrik yang menghasilkan kepanasan seperti seterika sekurang-kurangnya 1 meter dari tirai, perabot dan apa-apa peralatan yang mudah terbakar.
 - iii. Pastikan plug tidak dipasang pada perkakasan kecil seperti 'toaster', 'coffeemakers' apabila tidak digunakan.
 - iv. Mengadakan ruang udara yang mencukupi di sekitar komponen elektrik seperti komputer, stereo system untuk mencegah bahang panas yang berlebihan.
- 4.3.9 Pendawaian/Penyambung
- i. Gunakan pendawaian mengikut kadarnya.
 - ii. Gantikan pendawaian yang rosak.
 - iii. Pastikan sambungan tidak menghalang laluan atau disorok di bawah karpet.
 - iv. Gunakan penyambung yang diluluskan oleh SIRIM.



4.3.10 Penggunaan Alat Pemadam Api

i. Langkah Mudah Menggunakan Alat Pemadam Api (APA):

Penggunaan Alat Pemadam Api Kelas Api	Punca Kebakaran	Pemadam Api Yang Sesuai
A	Kebakaran berpunca dari kayu, kertas, kain, getah, plastik dan sepertinya	Pemadam jenis busa dan serbuk kering, jenis karbon dioksida, selimut api, pasir dan air.
B	Berpunca dari bahan mudah terbakar seperti metal spirit dan sepertinya	Pemadam jenis karbon dioksida, busa dan serbuk kering.
C	Kebakaran berpunca dari elektrik	Jenis karbon dioksida dan serbuk kering.
D	Kebakaran logam mudah terbakar seperti magnesium dan logam alkali.	Pemadam jenis serbuk kering dan karbon dioksida.

Sumber (www.bomba.gov.my)



			
Tarik pin yang ada pada alat pemadam api. Pada saat menarik pin, jangan tekan pemegang agar tekanan tidak keluar.	Angkat dan arahkan nozzle sumber api dengan memegang hujung selang alat pemadam api agar penyemburan dapat terkendali. Pastikan anda berada pada jarak kira-kira 1 hingga 1.5 meter daripada api.	Tekan sampai api dapat dipadamkan atau isinya habis.	Semburkan ke arah api dengan cara menyapu. Apabila api sudah dipadamkan, buka semua pintu dan buka jendela supaya udara segar masuk.

4.3.11 Tips-Tips Menjimatkan Elektrik Di Rumah Sewa

- i. Pilih jenis lampu yang bersesuaian (pada tempat yang ingin diterangkan) dan letakkan lampu di sudut bilik.
- ii. Menggosok pakaian dalam kuantiti yang banyak pada satu-satu masa kerana seterika menggunakan tenaga elektrik yang banyak untuk memanaskannya.
- iii. Tutup suis semua peralatan elektrik yang tidak digunakan untuk mengelak pembaziran elektrik pada setiap masa.
- iv. Penghuni rumah sewa patut berkongsi menggunakan peralatan elektrik di dalam rumah sewa.
- v. Tidak bermain permainan komputer berjam-jam kerana ia hanya membazirkan elektrik



Kewajipan, Maruah, Integriti

BAHAGIAN 5

PANDUAN PENCEGAHAN JENAYAH KETIKA BERADA DI LUAR KAMPUS

5.1 LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN JENAYAH

(sumber: <http://www.rmp.gov.my>)

5.1.1 Pecah Rumah

- i. Bagaimana jenayah pecah rumah dilakukan?
 - Dengan pemutar skru atau objek-objek tajam mengumpil pintu atau tingkap.
 - Menggunakan ‘jack’ untuk membuka jerjak besi tingkap. Memotong mangga dengan gergaji besi.
 - Memasuki bumbung rumah/siling yang terbuka.
 - Tingkap yang tidak berkunci/terbuka.
 - Menggunakan kunci pendua.
- ii. Langkah-langkah pencegahan
 - Memasang alat-alat keselamatan tambahan ke atas pintu utama seperti lubang pandangan, rantai pintu dengan mangga dan selak keselamatan.
 - Rumah yang tidak berlampa akan menarik perhatian si pemecah rumah. Sentiasa pasangkan lampu bila keluar rumah. Pasang ‘auto timer’ pada lampu jika perlu.
 - Jangan tinggalkan sebarang nota yang boleh membantu pemecah rumah bertindak.
 - Hubungan yang baik dengan jiran dapat membantu keselamatan rumah bila kita tiada.
 - Pastikan pintu, tingkap dan pintu pagar berkunci sebelum meninggalkan rumah atau tidur.

- Memelihara anjing boleh membantu mengawasi rumah.
- Pasangkan sistem penggera keselamatan yang baik untuk rumah/bangunan.
- Kawasan rumah hendaklah sentiasa bersih dan lapang.

5.1.2 Kecurian Kenderaan

- i. Bagaimana jenayah kecurian kenderaan dilakukan?
 - a) Tempat-tempat di mana kecurian berlaku:
 - Tempat letak kereta awam, kompleks beli belah, di depan rumah, tepi jalan raya dan tempat letak kereta di hotel menjadi tempat yang popular berlakunya jenayah ini.
 - b) Langkah-langkah mencegah kecurian kereta:
 - Pastikan kereta dipasang dengan alat penggera yang baik.
 - Memasang kunci tambahan untuk stereng, gear, roda dan kelac.
 - Pastikan juga kereta sentiasa dikunci walaupun sedang memandu.
 - Sentiasa letak kereta di tempat yang terang.
 - Jangan serah kunci kepada 'jockey' kereta.
 - Mengukir nombor pendaftaran di cermin kereta (Sand Blasting).
 - Simpan semua barang di tempat yang sukar dilihat sebelum meninggalkan kenderaan.
 - c) Langkah-langkah menghalang kecurian motosikal
 - Letak motosikal di tempat yang dikhaskan.
 - Pastikan anda mengunci motosikal ketika meninggalkannya.
 - Letakkan ditempat yang mudah dilihat dan pada waktu malam letak ditempat terang/ berlampa.
 - Merantai dan menggunakan kunci tambahan adalah penting untuk mengelak motosikal dari dicuri.
 - Ukirkan no pendaftaran motosikal pada bahagian-bahagian penting dan pasang alat pencegah kecurian.

5.1.3 Rogol

- i. Bagaimana rogol boleh berlaku?
 - Perogol biasanya menyerang mangsa yang keseorangan di tempat yang sunyi.
 - Menerima pelawaan perogol untuk bersiar-siar, bermalam di hotel atau rumah dan sebagainya.
 - Makanan dan minuman yang mengkhayalkan atau tidak sedarkan diri.
 - Mempercayai bomoh yang menjanjikan penyakit sembah dengan hubungan seks.
- ii. Langkah-langkah mengelak dari kejadian rogol:
 - Membawa alat penggera peribadi amat disyorkan.
 - Berwaspada apabila melihat orang yang mencurigakan di sekitar kawasan kemudahan awam seperti tandas, stesen bas, lif dan sebagainya.
 - Ketika hendak gunakan kenderaan awam, pastikan ada penumpang wanita lain bersama.
 - Tidak mudah menurut pelawaan orang-orang yang tidak atau baru dikenali untuk makan, minum, bersiar-siar atau pergi ke bilik/rumah mereka.
 - Terlebih dahulu minta dan semak kad kuasa orang yang mengaku sebagai penjawat awam seperti polis atau pegawai pencegah maksiat sebelum mengikut arahan mereka.
 - Elakkan dari berjalan bersendirian di tempat-tempat gelap, sunyi atau terpencil. Jika perlu pergi juga, pastikan anda berteman.

5.1.4 Ragut

- i. Langkah-langkah mengelak dari ragut:
 - Sentiasa membawa wang secara minima.
 - Selindung wang daripada pandangan umum supaya tidak menarik perhatian penjenayah.
 - Sentiasa membimbit atau mengepit beg tangan dan tidak disangkut atau disandang pada baju supaya ia lebih sukar diragut.

- Elakkan dari berjalan seorang diri di tempat-tempat sunyi atau semasa menaiki lif.
- Jangan mendedahkan barang-barang kemas yang dipakai.
- Ketika berjalan di atas jalanraya, sentiasa berjalan secara bertentangan dengan arus lalulintas supaya dapat melihat apa jua kenderaan yang datang dari arah hadapan.
- Elakkan dari memakai barang-barang kemas secara berlebihan.
- Elakkan dari meletak beg tangan yang mudah dicapai oleh orang lain umpamanya di atas kaunter, di dalam bakul pasar dan sebagainya.

5.1.5 Rompak/Samun

- i. Langkah pencegahan di rumah:
 - Pastikan pintu pagar atau pintu utama dikunci sepanjang masa.
 - Jangan buka pintu kepada orang yang tidak dikenali.
 - Kenal pasti pelawat melalui 'door viewer' dan pastikan rantai pintu berkunci apabila bercakap dengan pelawat yang tidak dikenali.
 - Maklumkan kepada rakan serumah/ahli keluarga terlebih dahulu jika anda menyuruh kawan atau seseorang ke rumah anda.
- ii. Langkah pencegahan tempat awam
 - Berwaspada apabila ada orang yang tidak dikenali mengekori anda atau yang berpeleseran di kawasan lif.
 - Elakkan dari menaiki lif dengan orang yang mencurigakan.
 - Elakkan dari memakai barang kemas atau membawa wang tunai yang banyak.
 - Elakkan dari melalui tempat gelap atau sunyi.

5.1.6 Penyeluk Saku

- i. Cara-cara untuk menghindari penyeluk saku

- Elakkan dari membawa wang tunai secara terbuka di khalayak ramai.
- Silangkan beg anda di hadapan dan pastikan ia telah dikunci atau dizipkan.
- Jangan tinggalkan beg tangan anda di atas bakul atau troli di pusat membeli-belah.
- Periksa beg duit atau beg tangan jika seseorang menghimpit atau melanggar anda.
- Jangan tertipu oleh orang yang tidak dikenali yang cuba berbuat baik dengan anda tanpa sebarang sebab.
- Jangan tidur dalam bas atau LRT dan pastikan beg anda dijaga rapi.

5.1.7 Jenayah Sivil dan Syariah

- i Pelajar bertanggungjawab dan disarankan untuk melaporkan tentang masalah jenayah civil dan syariah yang melibatkan rakan sebilik atau serumah.
- ii Bagi mengatasi masalah jenayah, pelajar boleh mengenalpasti pesalah (pelajar luar kampus yang membuat jenayah tersebut) dan jenayah yang dilakukan. Ambil butiran dan maklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni di Universiti dan Pejabat Keselamatan untuk minta nasihat atau tindakan lanjut. Usaha pemantauan akan dilaksanakan lebih kerap sekiranya masalah terbabit adalah serius.
- iii Nasihatkan rakan sebilik atau serumah untuk tidak membawa masuk pasangan berlainan jantina ke dalam rumah sewa.

5.1.8 Kematian Atau Kecederaan Parah

- i Sekiranya berlaku kematian atau kecederaan parah di rumah sewa, pelajar hendaklah mengambil butiran dan memaklumkan kepada pihak Pusat Pengurusan Kediaman Pelajar atau mana-mana Pegawai di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UPNM sekiranya memerlukan bantuan




Kewajipan, Maruah, Integriti

BAHAGIAN 6

PANDUAN PENGINAPAN LUAR KAMPUS KEPADA PELAJAR YANG DIWAJIBKAN TINGGAL DI DALAM KAMPUS


6.1 CARTA ALIR PERMOHONAN PENGINAPAN LUAR KAMPUS



6.1.1 DOKUMEN LAMPIRAN

 UPNM Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	PERMOHONAN PENGINAPAN LUAR KAMPUS UPNM/PPKP/01 - 06																																				
PUSAT PENGURUSAN KEDIAMAN PELAJAR (PPKP) UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA KEM SUNGAI BESI 57000 KUALA LUMPUR																																					
<u>PERMOHONAN PENGINAPAN LUAR KAMPUS</u>																																					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"><tr><td colspan="4" style="background-color: #cccccc; text-align: left;">A. MAKLUMAT PELAJAR</td></tr><tr><td>Nama</td><td colspan="3"></td></tr><tr><td>No Matrik</td><td></td><td>No K/P</td><td></td></tr><tr><td>Program</td><td colspan="3"></td></tr><tr><td>Kod Program</td><td></td><td>Semester</td><td></td></tr><tr><td>E-mel</td><td></td><td>No Tel Bimbit</td><td></td></tr><tr><td>Status Perkahwinan</td><td></td><td>Warganegara</td><td></td></tr><tr><td>Alamat Luar Kampus</td><td colspan="3"></td></tr><tr><td>Alasan Permohonan</td><td colspan="3"></td></tr></table>		A. MAKLUMAT PELAJAR				Nama				No Matrik		No K/P		Program				Kod Program		Semester		E-mel		No Tel Bimbit		Status Perkahwinan		Warganegara		Alamat Luar Kampus				Alasan Permohonan			
A. MAKLUMAT PELAJAR																																					
Nama																																					
No Matrik		No K/P																																			
Program																																					
Kod Program		Semester																																			
E-mel		No Tel Bimbit																																			
Status Perkahwinan		Warganegara																																			
Alamat Luar Kampus																																					
Alasan Permohonan																																					
<small>(Saya bertakwim iaitu berdasarkan maklumat diatas tidak berpuas hati)</small>																																					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"><tr><td colspan="2" style="background-color: #cccccc; text-align: left;">B. PENGAKUAN PELAJAR</td></tr><tr><td colspan="2">Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar. Saya juga bersetuju untuk:</td></tr><tr><td colspan="2"><ol style="list-style-type: none">1. Mematuhi segala peraturan yang dikenakan kepada saya mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.2. Memahami dan menggunakan Garis Panduan Pelajar Luar Kampus sepanjang tempoh saya menginap di kediaman luar kampus, mematuhi arahan lalu lintas dan keluar masuk kampus yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di kawasan Kem Sungai Besi dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.3. Membenarkan pihak Universiti membuat permeriksaan di kediaman luar kampus saya pada sebarang masa (jika perlu).4. Menjaga nama baik dan reputasi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada setiap masa.</td></tr><tr><td style="text-align: center;">[.....] Tandatangan Pelajar</td><td style="text-align: center;">Tarikh :</td></tr></table>		B. PENGAKUAN PELAJAR		Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar. Saya juga bersetuju untuk:		<ol style="list-style-type: none">1. Mematuhi segala peraturan yang dikenakan kepada saya mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.2. Memahami dan menggunakan Garis Panduan Pelajar Luar Kampus sepanjang tempoh saya menginap di kediaman luar kampus, mematuhi arahan lalu lintas dan keluar masuk kampus yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di kawasan Kem Sungai Besi dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.3. Membenarkan pihak Universiti membuat permeriksaan di kediaman luar kampus saya pada sebarang masa (jika perlu).4. Menjaga nama baik dan reputasi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada setiap masa.		[.....] Tandatangan Pelajar	Tarikh :																												
B. PENGAKUAN PELAJAR																																					
Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar. Saya juga bersetuju untuk:																																					
<ol style="list-style-type: none">1. Mematuhi segala peraturan yang dikenakan kepada saya mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.2. Memahami dan menggunakan Garis Panduan Pelajar Luar Kampus sepanjang tempoh saya menginap di kediaman luar kampus, mematuhi arahan lalu lintas dan keluar masuk kampus yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di kawasan Kem Sungai Besi dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.3. Membenarkan pihak Universiti membuat permeriksaan di kediaman luar kampus saya pada sebarang masa (jika perlu).4. Menjaga nama baik dan reputasi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada setiap masa.																																					
[.....] Tandatangan Pelajar	Tarikh :																																				
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"><tr><td colspan="2" style="background-color: #ffff00; text-align: center;">UNTUK KEGUNAAN PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN</td></tr><tr><td colspan="2">Cecatkan yang adalah : <input type="checkbox"/> Diluluskan <input type="checkbox"/> Gagal</td></tr><tr><td colspan="2">Catatan : _____ _____</td></tr><tr><td colspan="2" style="text-align: center;">(Tandatangan & Cop) Tarikh :</td></tr></table>		UNTUK KEGUNAAN PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN		Cecatkan yang adalah : <input type="checkbox"/> Diluluskan <input type="checkbox"/> Gagal		Catatan : _____ _____		(Tandatangan & Cop) Tarikh :																													
UNTUK KEGUNAAN PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN																																					
Cecatkan yang adalah : <input type="checkbox"/> Diluluskan <input type="checkbox"/> Gagal																																					
Catatan : _____ _____																																					
(Tandatangan & Cop) Tarikh :																																					

6.2 CARTA ALIR PENDAFTARAN MAKLUMAT DIRI PELAJAR LUAR KAMPUS



6.2.1 DOKUMEN LAMPIRAN

MAKLUMAT DIRI PELAJAR LUAR KAMPUS | UPNM/PPKP - 09

UPNM
National Defence University of Malaysia

PUSAT PENGURUSAN KEDIAMAN PELAJAR (PPKP)
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
KEM SUNGAI BESI
57000 KUALA LUMPUR

MAKLUMAT DIRI PELAJAR LUAR KAMPUS

Gambar
Senarai

A. MAKLUMAT PELAJAR			
Nama			
No Matrik		No K/P	
Kod Progam		Semester	
No Tel Bimbit		Status Perkahwinan	
Nama Waris (Jika Kecemasan)		No Tel Bimbit (waris)	
Alamat Waris (Jika kecemasan)			

B. MAKLUMAT RUMAH YANG DIDIAMAI			
Nama pemilik rumah/lejen		No Tel Bimbit	
Alamat rumah sewa			
Kontrak / bukti bayaran	ADA (<input type="checkbox"/>) sila lampirkan	TIADA (<input type="checkbox"/>)	Nilai sewaan perbulan: RM _____

C. PENGAKUAN PELAJAR			
Saya mengaku bahawa butir-butir yang diberikan di atas adalah benar. Saya juga bersetuju untuk:			
<ol style="list-style-type: none"> Mematuhi segala peraturan yang dikenakan kepada saya mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 serta peraturan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang berkuatkuasa dari masa ke semasa. Memahami dan menggunakan Garis Panduan Pelajar Luar Kampus sepanjang tempoh saya menginap di kediaman luar kampus, mematuhi arahan lalu lintas dan keluar masuk kampus yang berkuatkuasa dari masa ke semasa di kawasan Kem Sungai Besi dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. Memberarkan pihak Universiti membuat perkerisaan di kediaman luar kampus saya pada sebarang masa (jika perlu). Menjaga nama baik dan reputasi Universiti Pertahanan Nasional Malaysia pada setiap masa. 			
(.....)		Tarikh :	
Tandatangan Pelajar			

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT KOLEJ KEDIAMAN		
<p>Catatan: _____</p> <p>_____</p>		
(Tandatangan / Cop)		Tarikh :

